UUM/AA49/UM/27.09.2005/P. 26 (4)

UUM bantu urus jenazah graduan kemalangan

UM 27/9/05 26:4

ALOR STAR 26 Sept. – Universiti Utara Malaysia (UUM) akan membantu menguruskan pengangkutan bagi menghantar jenazah Mohamed Jabir Mera Maidin, graduannya yang terbunuh dalam kemalangan di Lebuhraya Utara Selatan di Sungai Petani awal pagi ini, pulang ke Kuala Lumpur malam ini.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UUM, Prof Madya Dr Ahmad Faiz Abdul Hamid berkata, universiti itu juga akan menghulurkan bantuan kecemasan berupa wang kepada keluarga Allahyarham.

Keluarga mangsa

"Pegawai dan kakitangan UUM turut dihantar ke bilik mayat Hospital Sungai Petani bagi membantu keluarga mangsa untuk menuntut jenazah Allahyarham," katanya kepada Bernama ketika dihubungi di sini hari ini.

Dr Ahmad Faiz berkata, walaupun Allahyarham Mohamed Jabir telah menamatkan pengajiannya di universiti itu tetapi UUM sedia memberi bantuan khas atas ihsan.

Beliau berkata, warga UUM turut bersama-sama mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa dan melahirkan rasa sedih atas tragedi yang berlaku.